



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,  
Bahagian Teknologi Maklumat,  
Aras 5 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62596 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.



Telefon : +603 8882 2100  
Faksimili : +603 8882 2597  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

---

**Rujukan Kami** : KE.HK(-)145/09-1 Klt.24 (12)  
**Tarikh** : 8 Rabiulawal 1443H  
15 Oktober 2021

Dagang Net Technologies Sdn Bhd  
Tower 3, Avenue 5,  
The Horizon Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi,  
59200 Kuala Lumpur

(u.p. : **En. Abdul Khalil Bin Abdullah**  
**En Che Zalman bin Che Noh** )

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn Bhd  
2360 Persiaran APEC  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
(u.p. : **Cik Aiza Azreen Ahmad**)

Tuan,

**PENAMBAHBAIKAN SISTEM BAGI KEPERLUAN PENGHANTARAN MAKLUMAT KAPASITI ENJIN KENDERAAN ELEKTRIK DARI SISTEM FRONT END**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah menyediakan keperluan sistem bagi penghantaran maklumat kenderaan elektrik dari sistem *Front End* berdasarkan hasil Mesyuarat Penghantaran Maklumat Kapasiti Kenderaan Elektrik Dari *Front End* yang telah diadakan pada 13 Oktober 2021.

3. Sehubungan dengan itu dimohon kerjasama pihak tuan untuk membuat penambahbaikan pada sistem *Front End* yang terlibat mengikut keperluan seperti di **Lampiran A** bagi memastikan penghantaran maklumat kapasiti kenderaan elektrik berjalan lancar. Dimohon juga pihak tuan

---

**BERKHIDMAT MEMAKMURKAN NEGARA**


dapat memanjangkan perkara ini kepada semua *Business Partner Front-end* , *EAI user* dan klien-klien yang terlibat dibawah kendalian tuan.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah.



15/10/2024

**(RADZIAH BINTI AHMAD)**  
Bahagian Teknologi Maklumat  
b.p Ketua Pengarah Kastam  
**MALAYSIA**  
03 – 8882 2336

s.k.

1. Pengarah Kastam  
Bahagian Perkastaman  
Ibu Pejabat
2. Pengarah  
Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)  
Ibu Pejabat
3. Timbalan Pengarah Kastam  
Cawangan Aplikasi BTM  
Ibu Pejabat

---

**BERKHIDMAT MEMAKMURKAN NEGARA**

---

**Lampiran A : Keperluan Sistem Bagi Penghantaran Maklumat Kenderaan Elektrik dari Sistem Front End.**

- 1) Penambahan Kod *Cargo Class* baru bagi kenderaan elektrik seperti dibawah :

Jenis Kod	Kod	Perkara
<i>Cargo Class</i>	C	ELECTRIC VEHICLE/ MOTOR CYCLES

- 2) Sistem *Front End* perlu memandatorikan maklumat kenderaan bagi pengikraran kastam yang menggunakan Kod *Cargo Class C (Electric Vehicle/Motor Cycles)*.
- 3) Penghantaran maklumat kapasiti enjin bagi kenderaan elektrik adalah dalam unit Kilowatt (KWT).
- 4) Sistem *Front End* perlu menghadkan limit *number* kapasiti enjin bagi kenderaan elektrik dengan Kod *Cargo Class C (Electric Vehicle/Motor Cycles)* kepada 3 digit sahaja.
- 5) Perubahan ini melibatkan semua Pengikraran Kastam (K1, K2, K3, K8 dan K9).